

MPOB, UPM, FELCRA komersial baja GanoCare™

Oleh Mohd Saufi Awang

saufi@mpob.gov.my

Serdang: Penyelidikan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bersama Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan formulasi baja GanoCare™ bagi kawalan pencegahan penyakit reput pangkal batang (RPB) @ Ganoderma pokok sawit.

Produk baja GanoCare™ telah dilesenkan kepada FELCRA Plantation Services Sdn Bhd (FBSSB), anak syarikat FELCRA Berhad, untuk dikeluarkan secara komersial bagi diguna pakai oleh industri sawit dan pekebun kecil.

Terdapat dua jenis GanoCare™, iaitu organik GanoCare™ dan baja kimia OS-Cpecial GanoCare™.

Pelancaran baja GanoCare™ dan pertukaran perjanjian (MoA) pelesenan pengkomersilan produk berkenaan telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof Dato' Dr Mohd Fauzi Ramlan; Timbalan Ketua Pengarah MPOB (Penyelidikan dan Pembangunan), Dr Ahmad Kushairi Din; dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) FELCRA Berhad, Dato' Hj Ramlee Abu Bakar.

Serbuk tandan buah sawit

Ketua Unit Ganoderma dan Penyakit Sawit (GanoDROP) MPOB, Dr Idris Abu Seman yang menjalankan penyelidikan bersama Prof Dr Mohamed Hanafi Musa, Fakulti Pertanian UPM berkata, GanoCare™ dihasilkan menggunakan formulasi baja daripada serbuk tandan buah sawit kosong (EFB) dan beneficial elements adalah untuk pencegahan penyakit RPB sawit yang disebabkan oleh kulat Ganoderma.

"Ia juga untuk meningkatkan kesuburan tanah dan pertumbuhan tampang pokok sawit," katanya.

Produk GanoCare™ sesuai untuk semua peringkat umur pokok sawit, bermula di peringkat anak benih di nurseri, semasa menanam, pra-matang dan matang yang memberi perlindungan kepada pokok sawit bagi mencegah jangkitan kulat Ganoderma.

Penggunaan baja GanoCare™ akan meningkatkan ketahanan pokok sawit terhadap jangkitan penyakit Ganoderma kerana dinding sel akar dan batang akan menjadi lebih tebal.

“Produk GanoCare™ sesuai untuk semua peringkat umur pokok sawit, bermula di peringkat anak benih di nurseri, semasa menanam, pra-matang dan matang yang memberi perlindungan kepada pokok sawit bagi mencegah jangkitan kulat Ganoderma”